



SIARAN MEDIA

KPKT PERUNTUKAN RM59.9 JUTA BAGI MEMPERKASA KOMUNITI DAN INFRASTRUKTUR BANDAR KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 30 OGOS 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) hari ini meneruskan **Siri Jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Cheras, Kuala Lumpur** dengan meninjau empat (4) projek pembangunan.

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan Cheras, KPKT telah memperuntukkan **RM59,885,851.00** bagi melaksanakan **114 projek pembangunan infrastruktur** serta **3 program/kajian pembangunan khusus** bagi tahun 2025.

Peruntukan ini akan dikawal selia oleh jabatan / agensi di bawah KPKT dan meliputi inisiatif pembangunan bandar seperti berikut :

1. **38 projek** melibatkan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP), Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan Mampu Milik Berstrata (lif) - **RM27,800,000.00**;
2. **Empat (4) projek dan satu (1)** peralatan berkaitan pembangunan dan naik taraf kebomgaan - **RM4,583,900.00**;
3. **50 projek** berkaitan pembinaan hentian bas dan laluan kaki berbumbung di sekitar Lembah Klang dan projek pembangunan fizikal di perkampungan masyarakat India - **RM6,760,000.00**;
4. **Sembilan (9) projek** untuk naik taraf Taman Persekutuan Bukit Kiara Fasa II dan Taman Poket P.Ramlee, Jalan Pinang - **RM16,956,000.00**;
5. Program Pemerdayaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) - **RM666,250.00**;
6. **Tiga (3)** projek melibatkan kemajuan Kampung Baru - **RM600,000.00**;
7. Kajian kaedah-kaedah Perancangan Bandar – **RM 1,000,000.00**; dan
8. Kerja penyelenggaraan **10** Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) - **RM1,519,701.00**

Siri lawatan kerja pasukan KPKT dimulakan di **Cheras Baptist Church** dengan **Penyerahan Mock Cheque** oleh YB Menteri KPKT kepada **10 RIBI di Kuala Lumpur** sebagai sebahagian daripada usaha inklusif KPKT menyokong penyelenggaraan rumah ibadat bukan islam.

YB KM kemudian meninjau **projek naik taraf tandas, hentian bas dan laluan pejalan kaki di Taman Tasik Permaisuri** melibatkan kos sebanyak **RM645,020.50** dan dijangka

mampu meningkatkan keselesaan pengguna serta memperkukuh prasarana awam.

Lawatan diteruskan ke **Tapak Anjung Selera MADANI, Jalan Jujur (Projek Lestari Niaga)** bagi meninjau kemajuan projek berkenaan yang bertujuan memperkasa usahawan tempatan melalui penyediaan ruang niaga yang lebih tersusun dan kondusif. Dalam sesi ini, YB KM turut menyempurnakan penyerahan bendera kepada wakil komuniti setempat sebagai simbolik perpaduan menjelang sambutan bulan kebangsaan.

Kemuncak program Sentuhan Kasih KPKT kali ini berlangsung di **Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan**, di mana YB KM bersama **Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd Sharif** telah turun padang meninjau keadaan persekitaran pangsapuri serta mendengar sendiri permasalahan dan keperluan penduduk setempat. Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat melalui penyelenggaraan kediaman yang lebih selesa, selamat dan berdaya huni.

Menurut YB KM, "Lawatan ini mencerminkan iltizam KPKT untuk terus memacu pembangunan mampan, inklusif dan berimpak tinggi. Kerajaan akan memperkukuh kerjasama rentas agensi agar rakyat memperoleh kemudahan perbandaran yang lebih baik, selesa dan berkualiti." Ini juga selaras dengan penganjuran Mesyuarat ASEAN Smart Cities Network Ke-8 (ASCN8) yang menegaskan komitmen negara dalam memperkukuh agenda bandar pintar serantau demi kesejahteraan masyarakat.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T